

Headline	KLHC lebur impian THT juarai Piala Sumbangsih		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	92
ArticleSize	186 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,130		



## LIGA HOKI MALAYSIA

# KLHC lebur impian THT juarai Piala Sumbangsih

**Kuala Terengganu:** Hajat Pasukan Hoki Terengganu (THT) meraih Piala Sumbangsih tidak kesampaian apabila tewas 5-6 kepada Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) menerusi penentuan penalti di Stadium Hoki Batu Buruk, malam tadi.

Dalam perlawanan itu, kedua-dua pasukan terikat 2-2 sehingga wisel penamat dibunyikan sebelum pukulan penalti terpaksa dilakukan sekali gus, membolehkan pasukan pelawat itu mengekalkan kejuaraan.

Anak buah Sarjit Singh yang masih segar dengan kejayaan menjuarai Piala Tan Sri Alagendra bermula garang memburu gol awal. Pada minit ke-4, THT memperoleh tiga pukulan penalti berturut-turut, namun gagal menembusi gawang Roslan Jamaluddin.

Seminit selepas itu, THT sekali lagi diberikan pukulan penalti, namun buntu. Pada minit 10, pelawat yang dibimbing Muhammad Harun Alrashid Samsi turut mem-

persia-siakan satu lagi pukulan sudut penalti.

Pada suku ketiga, tuan rumah tersentak apabila KLHC membuka jaringan menerusi pukulan sudut penalti yang disempurnakan Muhammad Noor Faeiez Ibrahim minit 31.

THT bangkit menyamakan kedudukan menerusi gol padang Faizal Saari pada minit 33.

### UniKL, TNB mula cemerlang

Seminit berselang, pintu gawang tuan rumah yang dikawal Muhammad Hafizuddin Othman selamat apabila bola pukulan penyerang KLHC, Muhammad Haziq Samsul hanya melintasi pintu gol.

Pada minit 51, berpunca hantaran Mohamad Izad Hakimi Jamaluddin berjaya disudahkan oleh pemain import KLHC, Muhammad Umar Bhutta.

Bagaimanapun, pemain import THT kelahiran Korea Selatan, Jang Jonghyun menjadi penyelamat apabila menyamakan kedudukan

menerusi pukulan penalti minit 56.

Sementara itu di ibu negara, pasukan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bermula cemerlang apabila mencatat kemenangan bergaya pada aksi pembukaan Divisyen Perdana Liga Hoki Malaysia (LHM) 2017 di Stadium Hoki Kuala Lumpur, Lembah Pantai di sini.

UniKL yang dilatih bekas penolong ketua jurulatih skuad senior kebangsaan, Arul Selvaraj menang 5-0 ke atas naib juara Divisyen Satu 2016, Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) dari Johor.

Terdahulu, TNB membenam pasukan 'adik' TNB Thunderbolts 6-1 di venue sama.

Dalam satu lagi perlawanan, Maybank menewaskan pasukan Universiti Teknologi Mara-Kementerian Pengajian Tinggi (UiTM-KPT) 3-2 di Stadium Hoki Kementerian Pendidikan, Jalan Pantai.

**Oleh Faizul Azlan Razak**